

BORANG AKU JANJI PEMOHON**PERMOHONAN PERMIT BANGUNAN SEMENTARA BAGI BANGUNAN TERMINAL KENDERAAN BERAT / DEPO LORI SEDIA ADA DI ATAS TANAH YANG DIZONKAN SEBAGAI JELAPANG PADI UNTUK UNTUK TEMPOH SATU (1) TAHUN SEHINGGA 31 DISEMBER 2025****Saya memperakui bahawa :**

1. Saya telah membaca dan memahami syarat - syarat am yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Permit Sementara Bagi Bangunan Terminal Kenderaan Berat / Depo Lori Sedia Ada Di Atas Tanah Yang Dizonkan Sebagai Jelapang Padi di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai.
2. Saya sedar kelulusan yang diberikan ini adalah berdasarkan permit sementara sahaja dan akan tamat pada 31.12.2025 serta tidak akan membina sebarang tambahan binaan baru.
3. Saya sedar saya perlu memohon kelulusan Pelingkungan Semula (rezonning) / Kebenaran Merancang kepada agensi terlibat (PlanMalaysia Pulau Pinang / MBSP) dalam tempoh permit (sehingga 2025) dan perlu menamatkan / memindahkan operasi ke kawasan yang dibenarkan serta perlu merobohkan binaan. Saya juga sedar MBSP atau mana-mana agensi kerajaan boleh mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas binaan / operasi ini sekiranya saya gagal mematuhi syarat - syarat serta arahan perberhentian operasi selepas tamat tempoh permit (31.12.2025)
4. Saya akan merobohkan semua binaan tersebut setelah tamat tempoh yang diberikan (31.12.2025) serta memindahkan aktiviti/operasi ke suatu tempat yang dibenarkan oleh MBSP. Saya perlu memastikan kerja-kerja meroboh dilakukan dengan selamat serta sisa binaan dilupuskan di tapak pelupusan yang diluluskan oleh MBSP serta memastikan kebersihan tapak dengan semua kosnya akan ditanggung oleh pihak saya.
5. Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas binaan yang saya bina terutamanya dari segi kekukuhan dan kestabilannya dan keselamatan struktur bangunan berhampiran serta memperbaiki segala kerosakan termasuk infrastruktur sekiranya ada.
6. Perlu bertanggungjawab terhadap infrastruktur (Jalan, Parit, "Manhole", Lubang acaran / Tangki septik dan sebagainya) dan struktur berhampiran serta hendaklah memperbaiki segala kerosakan sekiranya ada. Perlu menyediakan perangkap minyak/gris/sampah di dalam kawasan pembangunan sebelum air longkang dialirkan ke parit awam
7. Memastikan akses adalah melalui jalan awam sedia ada dan aktiviti yang dijalankan tidak boleh menghalang lalulintas dan kelancaran trafik
8. Perlu menyediakan pusat pungutan sampah lengkap dengan tong sampah MGB 660 liter/roro dan menguruskan/melantik kontraktor sendiri untuk menjalankan kutipan dan melupuskan sampah/sisa pepejal di Tapak Pelupusan Pulau Burung serta menyediakan tong kitar semula serta mengamalkan pengasingan sisa di punca dan kitar semula
9. Memastikan sentiasa menjaga keselamatan dan kebersihan setiap masa serta memastikan pembersihan ditapak selepas tamat tempoh permit (31.12.2025), memindahkan sisa binaan ke tapak pembersihan yang dibenarkan oleh MBSP selepas aktiviti meroboh binaan tersebut.
10. MBSP tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku pertikaian diantara lot lot berjiran serta tuan tanah
11. Semua maklumat yang diberikan adalah benar dan saya bersetuju permohonan saya **DIBATALKAN** sekiranya terdapat maklumat tidak benar / palsu

Dengan akujanji ini saya tidak akan mensabitkan Majlis Bandaraya Perai (MBSP) dari apa – apa tuntutan yang berkaitan serta melepaskan MPSP terhadap apa – apa tuntutan serta pertikaian daripada kelulusan yang akan diberikan oleh MBSP.

Tandatangan pemohon :

Nama Pemohon : No Kad Pengenalan Pemohon :

Tarikh :